



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) PERAK
KENYATAAN TAWARAN TENDER
TARIKH IKLAN: 6 JULAI 2026

Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat tawaran pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.

Tajuk Projek	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup
PSUK.PK.(UPEN)(T) 01/2026 Tender Perkhidmatan Syarikat Pengendali Pihak Ketiga Program Kad Perak Sejahtera (KPS) Jenis Tender: Terbuka	Pejabat UPEN Perak, Laman Seri Ridzuan, Ipoh Tarikh dokumen di jual: 6 Julai 2026 (Isnin) hingga 30 Julai 2026 (Khamis)	Harga dokumen RM300.00/ set Bayaran atas nama Bendahari Negeri Perak (Terimaan) / 8601170183 Dokumen Lantikan Syarikat Pengendali Program Kad Perak Sejahtera (UPEN)	Pejabat UPEN Perak, Laman Seri Ridzuan, Ipoh Tarikh tutup tender: 30 Julai 2026 (Khamis) Waktu: 12.00 tengahari

MAKLUMAT TAMBAHAN:

- 1) Pembekal / Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini adalah dikehendaki untuk menghadiri sesi taklimat tender seperti ketetapan di dalam Kenyataan Tawaran Tender. Sesi ini bagi memberi penerangan yang jelas kepada pembekal / syarikat mengenai keperluan teknikal, dan skop kerja. Sesi Taklimat Tender akan diadakan **pada 9 Julai 2026 (Khamis) dan jam 10.00 Pagi secara atas bersemuka di Bilik Mesyuarat Utama, SUK Ipoh.**

- 2) Dokumen tender akan dikeluarkan kepada **Wakil Syarikat yang sah sahaja**. Setiap syarikat dibenarkan diwakili oleh **dua (2) orang wakil** sahaja. Wakil Syarikat yang hadir hendaklah terdiri daripada kakitangan teknikal / pengurusan tertinggi yang memahami skop projek.
- 3) wakil tersebut hendaklah mengemukakan surat pengesahan rasmi daripada syarikat yang menyatakan bahawa pegawai tersebut adalah wakil yang diberi kuasa untuk menghadiri sesi taklimat bagi pihak syarikat. Wakil syarikat yang hadir hendaklah membawa bersama dokumen berikut untuk tujuan pengesahan:
 - a) **Kad Pengenalan;**
 - b) **Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan; dan**
 - c) **Surat pengesahan Wakil Syarikat yang ditandatangani oleh pihak pengurusan syarikat**
- 4) Pembekal / Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini diwajibkan mempunyai kod bidang di bawah dan masih sah tempoh laku:

Kod Bidang	Tajuk Bidang	Status
221804	Pengurusan Kewangan Korporat	Aktif
dan		
222202	Bantuan Kemanusiaan	Aktif
atau		
210104	<i>Software/System Development/Customization and Maintenance Including Data Entry, Data Processing;</i>	Aktif
atau		
210106	<i>Data Management</i>	Aktif

- 5) Dokumen tender boleh dibeli mulai **6 Julai 2026 (Isnin)** sehingga tarikh dan masa tutup sepertimana ketetapan di dalam Kenyataan tawaran Tender. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 4.00 petang bagi Isnin hingga Khamis manakala pada hari Jumaat dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja**.
- 6) Dokumen Tender akan dijual dengan harga **RM300.00 senaskhah** kepada syarikat / pembekal yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kad Debit/Kredit, atau Bank Deraf atas nama "**Bendahari Negeri Perak**". Bayaran secara **wang tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian, penama juga diwajibkan membawa **cop syarikat**.

- 7) Petender hendaklah menghantar Dokumen Tender yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Tender yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Tender seperti di alamat berikut:

**Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) / Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak
Laman Seri Ridzuan (Kediaman Lama YAB Menteri Besar),
31350 Ipoh, Perak**

- 8) Tarikh tutup bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari, pada 30 Julai 2026 (Khamis)**. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.



**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (PEMBANGUNAN) /
PENGARAH
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PERAK (UPEN)**